

# Diari Korporat



## 2014



### JAN 21

2014

Lawatan Pegawai-Pegawai daripada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) & Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)



### JAN 27-28

2014

Persidangan Perkhidmatan 2014



### JAN 28

2014

Lawatan Pegawai-Pegawai daripada TNB Integrated Learning Solution



### MEI 23-25

2014

Sukan KWSP di Melaka



### MEI 21

2014

Sesi Town Hall bersama Ketua Pegawai Eksekutif KWSP

### MEI 15

2014

Lawatan daripada Employees Provident Fund, Central Bank of Sri Lanka

### APR 21

2014

Lawatan Great Eastern Life Assurance

### JUN 26

2014

ASEAN Social Security Association Exchange Programme 2014



### JULAI 1

2014

Pelancaran Khidmat Nasihat Persaraan (RAS)



### OGOS 5

2014

Timbalan Menteri Ekonomi Turki Lawat KWSP



### OGOS 6

2014

Lawatan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chua Tee Yong ke KWSP

# 2015

### NOV 14

2014

Taklimat Media mengenai keselamatan sosial bersama editor-editor berita dari Media Prima



### NOV 10

2014

Lawatan Pelajar dari Uzbekistan

## Diari Korporat (Samb.)



**FEB 14**  
2014

Sesi perjumpaan antara Pengurusan KWSP dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)



**MAC 6**  
2014

KWSP menerima Sijil Audit Bersih bagi Pengauditan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara untuk tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2013



**MAC 12**  
2014

Coffee Talk bersama Tan Sri Samsudin Osman



**MAC 12**  
2014

Lawatan Pegawai-Pegawai daripada Lembaga Zakat Selangor



**APR 3**  
2014

Majlis Pengiktirafan KWSP 2013



**APR 2-5**  
2014

Persidangan Pengurusan 2014



**MAC 20**  
2014

Majlis Anugerah Tahunan Pengurus Portfolio Luaran 2013



**MAC 19**  
2014

Sambutan Hari Integriti KWSP 2014



**OGOS 7**  
2014

Persidangan Pengurusan Risiko KWSP 2014



**OGOS 19**  
2014

Delegasi Thailand dari Social Security Office (SSO) lawat KWSP



**SEP 8-10**  
2014

KWSP anjur Seminar Antarabangsa dan Mesyuarat Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) ke-31



**SEP 9-10**  
2014

Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2014



**NOV 1-2**  
2014

Seminar Pelaburan KWSP 2014



**OKT 21**  
2014

Sesi Dialog bersama Persekutuan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)



**OKT 1**  
2014

Pelancaran Kwasa Invest Limited / Pejabat KWSP di London



**OKT 1**  
2014

Sambutan Ulang Tahun ke-63 KWSP

## Sorotan Kewangan Lima Tahun

	2010	2011	2012	2013	2014
<b>RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN</b>	<b>(RM' JUTA)</b>				
Pendapatan Pelaburan Kasar	24,063.53	27,235.30	31,024.94	35,000.36	39,076.48
Pendapatan Pelaburan Bersih	23,029.69	25,915.20	28,970.55	32,532.72	37,824.88
Lain-lain Pendapatan	78.73	64.19	98.81	156.63	165.82
Jumlah Pendapatan	23,108.42	25,979.39	29,069.36	32,689.35	37,990.69
Jumlah Perbelanjaan *	787.07	916.28	860.81	1,227.75	1,175.85
Pendapatan Bersih	22,312.43	25,084.43	28,208.55	31,461.60	36,814.84
Dividen Dikreditkan Ke Akaun Ahli	21,610.13	24,466.02	27,450.92	31,200.17	36,656.46
<b>RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN</b>	<b>(RM' JUTA)</b>				
Jumlah Dana Ahli **	444,959.51	476,526.06	532,274.73	593,450.87	640,207.42
Jumlah Aset	445,848.18	477,683.43	536,029.19	597,820.50	646,698.16
Jumlah Liabiliti	888.67	1,157.37	3,754.46	4,369.63	6,490.74
<b>NISBAH KEWANGAN UTAMA</b>	<b>Semua dalam %</b>				
Pulangan Pelaburan	6.08	6.58	6.87	6.97	7.25
Jumlah Perbelanjaan Keatas Jumlah Pendapatan Kasar ***	3.22	3.32	2.71	3.48	3.01
Jumlah Perbelanjaan Keatas Jumlah Aset	0.18	0.19	0.16	0.21	0.18
Pertumbuhan Pelaburan	18.67	6.52	12.31	11.37	11.13
Kadar Dividen Tahunan	5.80	6.00	6.15	6.35	6.75


\* Terdiri daripada Perbelanjaan Operasi dan Caj Berkanun.

\*\* Terdiri daripada Akaun Caruman, Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (mulai tahun 2010 dan seterusnya) dan Rizab Seksyen 50(3) (sehingga tahun 2011 sahaja)


\*\*\* Jumlah Pendapatan Kasar termasuk rugi terjejas atas aset kewangan dicatat semula serta pembalikan rugi terjejas atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu.

## Sorotan Kewangan Lima Tahun (Samb.)


**PENDAPATAN PELABURAN KASAR**  
(RM' JUTA)




**JUMLAH PENDAPATAN**  
(RM' JUTA)




**PENDAPATAN BERSIH**  
(RM' JUTA)




**DIVIDEN DIKREDITKAN KE AKAUN AHLI**  
(RM' JUTA)




**JUMLAH DANA AHLI**  
(RM' JUTA)



**JUMLAH ASET**  
(RM' JUTA)



**PULANGAN PELABURAN**  
(%)



## Tanggungjawab Korporat



**FUNGSI UTAMA KWSP ADALAH UNTUK MELINDUNGI SIMPANAN PERSARAAN AHLI YANG TURUT MENYAKSIKAN KAMI MEMAINKAN PERANAN PENTING SEBAGAI PELOPOR DALAM BIDANG KESELAMATAN SOSIAL NEGARA**

**MEMBERI  
PERKHIDMATAN  
TERBAIK  
KEPADA AHLI MELALUI**



Sebagai sebuah dana simpanan persaraan, tanggungjawab utama KWSP adalah untuk memastikan keselamatan simpanan persaraan ahli kami. Sepanjang tempoh 63 tahun kewujudan KWSP, kami telah memenuhi kewajipan ini dengan mengumpulkan caruman daripada majikan dan menempatkannya ke dalam simpanan persaraan pekerja mereka, serta meningkatkan simpanan ini menerusi pelaburan yang berhemah dalam pasaran tempatan dan luar negara.

Sebagai sebuah pelabur institusi yang terbesar di dalam negara, kami turut menyumbang dalam amalan tadbir urus korporat yang terluhur. Untuk terus melindungi aset ahli KWSP, kami memastikan pengurus dana mematuhi garis panduan yang ketat agar mereka sentiasa berhemah dalam aktiviti pelaburan mereka sepertimana yang diamalkan oleh pasukan pelaburan KWSP.

Di samping itu, fungsi utama KWSP adalah untuk melindungi simpanan persaraan ahli yang turut menyaksikan kami memainkan peranan penting sebagai pelopor dalam bidang keselamatan sosial negara. Bersandarkan matlamat ini, KWSP terlibat dalam pelbagai program yang secara langsung untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai persaraan dan menyumbang ke arah pembangunan sebuah ekosistem keselamatan sosial negara yang holistik dan menyeluruh.

## Tanggungjawab Korporat (Samb.)

### MEMPERKENALKAN KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN (RAS)



KWSP terus menyumbang kepada perkembangan landskap kewangan negara yang sihat menerusi usahanya untuk memantapkan tahap tadbir urus korporat sementara melindungi aset persaraan ahli.

#### Tadbir Urus Korporat (CG)

Demi mengekalkan hubungan yang telus berdasarkan kepercayaan ahli serta pihak berkepentingan, KWSP tekad mematuhi tahap tertinggi dalam tadbir urus korporat. Usaha KWSP adalah berpandukan amalan dan rangka kerja terbaik di peringkat global serta Kod mengenai Tadbir Urus Korporat Malaysia; Panduan Tadbir Urus Korporat (CG): Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah oleh Bursa Malaysia; dan Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi 2014.

KWSP juga mengharapkan syarikat penerima pelaburan kami mematuhi standard tadbir urus korporat yang tinggi bagi memastikan kemampuan perniagaan dan justeru itu melindungi aset persaraan ahli kami. Untuk mencapai matlamat ini, KWSP telah menghasilkan Prinsip Tabir Urus Korporat dan Garis Panduan Pengundian KWSP yang memberi tumpuan kepada akauntabiliti, integriti dan ketelusan Lembaga Pengarah syarikat serta tahap pendedahan yang diberikan. Polisi ini menyentuh mengenai kebebasan pengarah, pengasingan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Komposisi Lembaga, Jawatankuasa Lembaga serta penerbitan saham. Pada tahun ini KWSP telah mengemas kini Prinsip CG dan Garis Panduan Pengundian kami dengan memasukkan prinsip mengenai Pelaburan dalam *Environmental, Social and Governance* (ESG).

#### Hubungan dengan Penerima Pelaburan

Pada November 1996, KWSP telah melancarkan Skim Pelaburan Ahli (SPA-KWSP) yang membolehkan ahli yang layak untuk melabur sebahagian daripada simpanan mereka dalam dana amanah saham/sekuriti menerusi Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik. Untuk melindungi integriti skim ini, KWSP memantau FMI yang telah dilantik dengan memastikan mereka melaksanakan pelaburan secara bertanggungjawab dan berkesan. Dengan perhatian, kemahiran dan ketelitian yang sewajarnya, selaras dengan Garis Panduan dan keperluan SPA-KWSP. Garis panduan ini dikaji secara berkala di mana semakan terakhir telah dilakukan pada Julai 2013.

Untuk melindungi kepentingan ahli, dana amanah saham yang ditawarkan di bawah skim ini dikaji semula pada setiap tahun berdasarkan satu set kriteria yang tertumpu kepada konsistensi prestasi seperti yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Proses penilaian dilakukan bersama dengan Persekutuan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) yang mewakili industri amanah saham. Dana Amanah Saham yang gagal dalam memenuhi kriteria penilaian tahunan akan digantung sehingga ia memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KWSP.

Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 230 dana amanah saham daripada 22 Institusi Pengurusan Dana (IPD) telah diluluskan. Perbandingan dana dan IPD yang ditawarkan pada 2013 dan 2014 adalah seperti di jadual di bawah:-

Kategori	Setakat 31 Disember 2014		Setakat 31 Disember 2013	
	Bilangan Dana yang Layak	Bilangan IPD yang Menyertai	Bilangan Dana yang Layak	Bilangan IPD yang Menyertai
Ekuiti	106	18	99	20
Aset Bercampur	57	18	52	18
Bon	38	13	31	14
Pasaran Wang	28	17	27	17
Amanah Harta	1	1	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>230</b>	<b>22</b>	<b>210</b>	<b>25</b>

Tindakan diambil terhadap IPD yang tidak mematuhi garis panduan KWSP antaranya adalah memberi amaran serta denda dikenakan malah sesetengahnya pula digantung pelantikan mereka sebagai IPD. Pada 2014, juruaudit telah dilantik untuk melaksanakan audit bebas tahunan ke atas IPD memfokuskan kepada pematuhan terhadap Garispanduan SPA-KWSP.

Setakat 31 Disember 2014, lebih daripada 700,000 ahli telah menyertai SPA-KWSP yang melibatkan pelaburan bersih melebihi RM31.56 bilion.